



MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.


(Company No. 902884-V)

(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)
(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro di Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp. ingin mempelawa bakal kontraktor ("Petender") untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)	
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</p> <p>TENDER FOR DESIGN, FABRICATE, SUPPLY, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING OF NEW PEDESTRIAN OVERHEAD BRIDGE AND COVERED WALKWAY CONNECTING MSPR TAMAN MIDAH (MSPR6) AND CHERAS REHABILITATION HOSPITAL (HRC) ("WORKS")</p> <p>TENDER NO.: KGL-MRTC-GENE-OVPR-TEN-000037</p>	<p>Memiliki dokumen yang sah seperti berikut:</p> <p>i. Sijil pendaftaran syarikat yang dikeluarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</p> <p>ii. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia;</p> <p>Gred: G4</p> <p>Kod Pengkhususan:</p> <ul style="list-style-type: none"> CE02 (Pembinaan Jambatan dan Jeti) dan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) <p>dan</p> <p>iii. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status:Patuh) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p>	<p>Date : Khamis, 21 Mei 2026</p> <p>Time : 10:00 pagi</p> <p>Lokasi : Google Meet</p> <p>(Pautan taklimat akan dihantar ke alamat e-mel yang dinyatakan dalam pendaftaran atas talian)</p>	<p>Bagi menyertai taklimat tender ini, Petender yang berminat dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu daripada pautan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my; atau https://forms.gle/j6nGis7qXfirVYsT6; atau Mengimbas Kod QR yang disediakan.  <p>Pendaftaran akan bermula pada hari Khamis, 14 Mei 2026 sehingga hari Khamis, 21 Mei 2026. Hanya Petender yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan sahaja akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender. Kehadiran adalah WAJIB dan Petender tidak dibenarkan untuk menyertai tender sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat tender.</p> <p>Seramai dua (2) orang wakil daripada setiap Petender sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>Wakil-wakil daripada pihak Petender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkecualan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pengarah Urusan; atau Pengurus Projek; atau Pengurus Kontrak dan Komersial

- Dokumen tender hanya akan diberikan melalui alamat e-mel yang telah didaftarkan kepada Petender yang layak tanpa sebarang caj bayaran.
- Petender wajib menyerahkan dokumen tender yang telah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam dokumen tender.
- Tarikh akhir serahan dokumen tender adalah pada hari **Khamis, 11 Jun 2026 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Petender didapati lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender di bahagian atas tengah sampul surat dan diserahkan di alamat berikut:

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),
Tingkat 6, Menara I&P 1,
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

- Selain daripada syarat-syarat di atas, Petender **WAJIB** memenuhi kesemua **Kriteria Mandatori** di bawah:

KRITERIA MANDATORI TEKNIKAL

- Penender telah menyiapkan kerja-kerja pembinaan jambatan dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu dengan nilai minimum satu (1) projek tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Satu Juta (RM1,000,000.00).

KRITERIA MANDATORI KEWANGAN

- Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM55,000.00); dan
- EBITDA terkumpul sepanjang lima (5) tahun sebelumnya hendaklah positif.

Nota:

- Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
- MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Petender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Petender terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement.aom@mymrt.com.my. Petender boleh melayari laman web www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.